

**PERLEMBAGAAN BAGI
PERTUBUHAN INDUK
PERSATUAN CAPAIAN MAKLUMAT DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN (PECAMP)
MALAYSIA**

(PPM-004-10-04092007)

FASAL 1 NAMA

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

**PERSATUAN CAPAIAN MAKLUMAT DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN
(PECAMP) MALAYSIA**

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama : **PERSATUAN CAPAIAN MAKLUMAT DAN PENGURUSAN
PENGETAHUAN (PECAMP) MALAYSIA (Society of Information Retrieval and
Knowledge Management Malaysia - SIRKOM)**

(3) Taraf Pertubuhan : **Kebangsaan**

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, UNIVERSITI
PUTRA MALAYSIA, 43400 UPM SERDANG, SELANGOR
43400 SERDANG
SELANGOR**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, UNIVERSITI
PUTRA MALAYSIA, 43400 UPM SERDANG, SELANGOR
43400 SERDANG
SELANGOR**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

Tujuan persatuan ditubuhkan adalah seperti berikut:

3.1 Melestarikan status dan minat profesional capaian maklumat dan pengurusan pengetahuan.

3.2 Memulakan penambahbaikan dalam latihan, pendidikan, penyelidikan dan pembangunan, amalan profesional dan aktiviti-aktiviti lain dalam capaian maklumat dan pengurusan pengetahuan.

3.3 Menyediakan kaedah berkomunikasi, membentuk kerjasama dan kesepakatan antara para akademik dengan profesional dalam aktiviti berkaitan dengan capaian maklumat dan pengurusan pengetahuan.

3.4 Meningkatkan minat terhadap penyelidikan dan perkembangan bidang capaian maklumat dan pengurusan pengetahuan.

3.5 Mengambil langkah bermanfaat untuk meningkatkan pengetahuan ahli persatuan terhadap sebarang isu berkaitan dengan capaian maklumat dan pengurusan pengetahuan.

FASAL 4 KEAHLIAN

4.1 Keahlian dibuka kepada mana-mana individu yang mempunyai kelulusan lepasan universiti atau peperiksaan profesional atau telah mempunyai pengalaman profesional dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat atau Pengurusan Pengetahuan. PECAMP menawarkan kategori keahlian seperti berikut:

a. Ahli

Semua ahli berhak secara eksklusif menggunakan post-nominal selepas nama mereka dengan singkatan mPECAMP.

Ahli dibahagikan kepada kategori seperti berikut:

i. Ahli biasa

Terbuka kepada semua ahli akademik dan profesional dalam bidang yang berkaitan.

ii. Ahli seumur hidup

Terbuka kepada semua ahli biasa yang telah membayar yuran tahunan secara berterusan tanpa gagal selama sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dan seterusnya membayar yuran ahli seumur hidup sebanyak RM300.00 sekali gus tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Persatuan.

iii. Ahli pelajar

Terbuka kepada semua pelajar Universiti di Malaysia dalam bidang berkaitan. Kelayakan lepasan universiti atau peperiksaan profesional atau telah mempunyai pengalaman profesional adalah dikecualikan bagi Ahli pelajar.

iv. Ahli kehormat

Ahli yang dijemput oleh Jawatankuasa Persatuan untuk menjadi Ahli kehormat berdasarkan kedudukan dan sumbangan dalam bidang yang berkaitan.

b. Felo

Mana-mana ahli PECAMP boleh dinaik taraf kepada Felo mengikut keputusan yang dibuat semasa mesyuarat Jawatankuasa Induk PECAMP berdasarkan sumbangan mereka dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Pengurusan Pengetahuan atau bidang yang berkaitan. Penamaan ahli bagi calon naik taraf daripada kategori Ahli kepada Felo boleh dicadangkan oleh mana-mana Ahli persatuan kepada Setiausaha PECAMP.

Felo berhak secara eksklusif menggunakan post-nominal selepas nama mereka dengan singkatan fPECAMP.

c. Organisasi

Ahli organisasi atau industri berkaitan yang berdaftar.

4.2 Borang keahlian perlu dihantar kepada Setiausaha PECAMP yang kemudiannya akan mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.

4.3 Setiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah setelah membayar yuran seperti yang ditetapkan diterima menjadi ahli PECAMP dan berhaklah ia sebagai ahli.

FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

5.1 Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli PECAMP hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menjelaskan segala hutangnya.

5.2 Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan pertubuhan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungan keahliannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

6.1 Tiada bayaran masuk dikenakan manakala yuran tahunan yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut:

a. Ahli kehormat tidak dikehendaki membayar yuran tahunan.

- b. Ahli seumur hidup. Ahli biasa yang memenuhi syarat dibenarkan untuk membayar yuran sekali gus sebanyak RM300.00 (Tiga ratus ringgit sahaja).
- c. Ahli biasa dikehendaki membayar yuran tahunan sebanyak RM60.00 (Enam puluh ringgit sahaja).
- d. Ahli yang terdiri daripada pelajar dikehendaki membayar yuran tahunan sebanyak RM20.00 (Dua puluh ringgit sahaja).
- e. Ahli Organisasi yang berdaftar dikehendaki membayar yuran tahunan sebanyak RM300.00 (Tiga ratus ringgit sahaja).

6.2 Yuran tahunan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari terlebih dahulu dalam tempoh tiga (3) bulan pertama setiap tahun.

6.3 Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada satu tahun akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh Setiausaha atau wakil Setiausaha, dan hilanglah hak keistimewaan sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan.

6.4 Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih daripada jumlah yuran bagi dua (2) tahun dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli PECAMP dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuas hati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.

6.5 Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran bagi sesiapa yang membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang yuran keahlian.

6.6 Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli bagi perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran tahunan.

FASAL 7 MESYUARAT AGUNG

7.1 Pengelolaan PECAMP ini terserah kepada Mesyuarat Agung ahli. Sekurang-kurangnya sepuluh peratus (10%) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah ahli Jawatankuasa mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir dalam Mesyuarat Agung untuk mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum bagi mesyuarat.

7.2 Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan bagi mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan bagi mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda undang-undang

PECAMP dan membuat keputusan melibatkan semua ahli.

7.3 Mesyuarat Agung Tahunan bagi PECAMP hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31 Mac pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja-kerja Mesyuarat Agung tahunan adalah seperti berikut:

- i. Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan pertubuhan pada tahun lalu;
- ii. Menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun lalu;
- iii. Memilih ahli-ahli Jawatankuasa dan Juruaudit bagi tempoh dua (2) tahun yang akan datang; dan
- iv. Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan dalam mesyuarat itu.

7.4 Setiausaha hendaklah menghantar kepada setiap ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan satu agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira PECAMP bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan PECAMP.

7.5 Mesyuarat Agung Khas bagi PECAMP boleh diadakan:

- i. bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa, atau
- ii. atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang daripada satu perlima (1/5) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha PECAMP.

7.6 Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.

7.7 Pengumuman dan agenda bagi Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.

7.8 Fasal 7.1 dan 7.2 dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan bagi Mesyuarat Agung Khas tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu, maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa enam (6) bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

7.9 Setiausaha hendaklah menghantar kepada setiap ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan satu agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira PECAMP bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat urusan PECAMP.

FASAL 8 JAWATANKUASA

8.1 Satu Jawatankuasa yang dinamakan Pegawai PECAMP hendaklah dipilih dua (2) tahun sekali dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan pemilihan hanya akan dilakukan dua (2) tahun sekali oleh Pegawai PECAMP seperti berikut:

Seorang Presiden
Seorang Naib Presiden
Seorang Setiausaha
Seorang Penolong Setiausaha
Seorang Bendahari
Seorang Penolong Bendahari
4 orang Ahli Jawatankuasa Biasa

8.2 Pemegang-pemegang jawatan PECAMP ini dan setiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam PECAMP ini hendaklah terdiri daripada Warganegara Malaysia. Nama-nama bagi jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai akan memegang jawatan selama dua (2) tahun dan boleh dilantik semula.

8.3 Nama-nama bagi jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai akan memegang jawatan selama dua (2) tahun dan boleh dilantik semula.

8.4 Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian PECAMP dan membuat keputusan atas perkara tentang perjalanan PECAMP mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada setiap Mesyuarat Agung Tahunan.

8.5 Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam tempoh setahun. Pengumuman bagi setiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli tujuh (7) hari terlebih dahulu. Presiden dengan bersendirian atau tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya satu pertiga ($\frac{1}{3}$) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir untuk mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum

mesyuarat.

8.6 Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan daripada ahli-ahli Jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima seperti berikut:

- i. Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada setiap ahli Jawatankuasa;
- ii. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu; dan
- iii. Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak.

Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan dalam peringatan mesyuarat.

8.7 Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai meletakkan jawatan dalam Jawatankuasa.

8.8 Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga pemilihan dalam Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

8.9 Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan Pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan PECAMP, dan melantik pengurusan dan kakitangan yang difikirkannya mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, ingkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan PECAMP.

8.10 Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

9.1 Presiden, dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah menjadi pengerusi semua Mesyuarat Agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan mesyuarat

bila telah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek PECAMP bersama-sama dengan Setiausaha dan Bendahari.

9.2 Naib Presiden hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya.

9.3 Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran PECAMP mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama, alamat majikan dan alamat surat menyurat setiap ahli. Ia hendaklah hadir dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Ia hendaklah menandatangani semua cek PECAMP bersama-sama dengan Presiden dan Bendahari. Setiausaha hendaklah dalam masa 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirimkan penyata tahunan PECAMP kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan, 1966.

9.4 Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerja-kerja dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.

9.5 Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan PECAMP. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab atas ketepatannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek PECAMP bersama-sama dengan Presiden dan Setiausaha.

9.6 Penolong Bendahari hendaklah menolong Bendahari menjalankan kerja-kerja dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Bendahari.

9.7 Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

FASAL 10 KEWANGAN

10.1 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam undang-undang, wang PECAMP ini boleh digunakan bagi perkara yang berfaedah untuk menjalankan tujuan-tujuan PECAMP, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah memeriksa kira-kira. Walau bagaimanapun, wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.

10.2 Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM1,000.00 (Satu ribu ringgit sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu hendaklah atas nama PECAMP.

10.3 Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang daripada kira-kira PECAMP

hendaklah ditandatangani bersama oleh Presiden, Setiausaha dan Bendahari. Semasa ketiadaan Presiden, Setiausaha atau Bendahari maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang PECAMP.

10.4 Perbelanjaan yang lebih daripada RM5,000.00 (Lima ribu ringgit sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM20,000.00 (Dua puluh ribu ringgit sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan kurang daripada RM5,000.00 (Lima ribu ringgit sahaja) bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Presiden bersama Setiausaha dan Bendahari.

10.5 Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Juruaudit yang dilantik bawah Fasal 11 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan PECAMP.

10.6 Tahun kewangan PECAMP ini bermula dari 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

FASAL 11 JURUAUDIT

11.1 Dua orang yang bukannya Pegawai PECAMP boleh dilantik dua (2) tahun sekali dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juruaudit. Mereka akan memegang jawatan selama dua (2) tahun dan boleh dilantik semula.

11.2 Juruaudit adalah dikehendaki memeriksa kira-kira PECAMP bagi setiap tahun dan membuat laporan atau pengesahan bagi Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Presiden mengaudit kira-kira PECAMP bagi mana-mana masa dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

FASAL 12 PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH

12.1 Segala harta tidak alih PECAMP hendaklah didaftarkan atas nama PECAMP dan segala surat cara pelaksanaan berkaitan dengan harta ini dianggap sah dan berkuatkuasa seolah-olah ianya telah dilaksanakan oleh seorang tuan punya berdaftar dengan syarat surat cara itu disempurnakan oleh 3 orang pemegang jawatan pertubuhan pada masa itu yang mana perlantikan mereka disahkan melalui sijil perakuan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan dan dimeteri dengan meteri Pertubuhan.

12.2 Harta tidak alih PECAMP tidak boleh dijual, digadai, ditarik balik atau ditukar milik tanpa persetujuan Mesyuarat Agung.

FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN

13.1 Dalam tempoh di antara dua Mesyuarat Agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada perlembagaan ini dan Jawatankuasa, jika perlu, boleh memutuskan perkara-perkara yang kurang jelas di dalam perlembagaan ini.

13.2 Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

FASAL 14 PENASIHAT / PENAUNG

Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat/Penaung bagi PECAMP ini dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis.

FASAL 15 LARANGAN

15.1 PECAMP tidak dibenarkan melibatkan diri dalam mana-mana aktiviti dalam Trade Union Ordinance.

15.2 PECAMP dan ahli-ahlinya tidak dibenarkan mengadakan, menganjurkan atau melibatkan diri dalam loteri atau semua permainan yang bergantung kepada nasib semata-mata.

15.3 PECAMP tidak dibenarkan melibatkan diri dalam aktiviti politik atau menaja atau membiarkan lokasi pertubuhan digunakan bagi tujuan politik.

FASAL 16 PINDAAN PERLEMBAGAAN

Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung melalui perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai dari tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 17 PEMBUBARAN

17.1 PECAMP boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli yang menghadiri dalam suatu Mesyuarat Agung yang dipanggil khas kerananya.

17.2 Sekiranya PECAMP hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan PECAMP yang sah mengikut undang-undang

hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agung berkenaan.

17.3 Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

FASAL 18 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA

1. Bendera



Keterangan

Sama seperti keterangan pada 18.2 Lambang.

2. Lambang



Keterangan

i. Secara keseluruhannya, reka bentuk logo PECAMP melambangkan kemodenan dan kedinamikan.

ii. Fon yang digunakan adalah mudah namun elegan.

iii. Glob bermaksud pengetahuan dan disiplin bagi bidang Capaian Maklumat dan Pengurusan Pengetahuan adalah universal di seluruh dunia. PECAMP menyasarkan untuk membawa manfaat kepada manusia.

iv. Warna Biru dan Hijau adalah dua warna alam semula jadi yang melambangkan lautan dan pepohon. PECAMP dan disiplinnya adalah harmoni dengan alam semula jadi.

3. Lencana



Keterangan

Sama seperti keterangan pada 18.2 Lambang.